



**PERATURAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN DART
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25HB HINGGA 28HB SEPTEMBER 2014**

1. PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung pada Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia (PDM) dan Persekutuan Dart Antarabangsa atau the Professional Darts Corporation (PDC).
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada PERATURAN AM Karnival Sukan TM 2014 dan dibaca bersama dengan Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia (PDM) dan PERSEKUTUAN DART ANTARABANGSA atau the Professional Darts Corporation (PDC).
- 1.3 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis akan melantik Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah untuk mengendalikan pertandingan bagi acara Dart dengan menggunakan peraturan-peraturan yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak dengan dibaca bersama tatacara, peraturan dan pengurusan pertandingan Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia (PDM) dan PERSEKUTUAN DART ANTARABANGSA atau the Professional Darts Corporation (PDC).
- 1.4 Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah akan melantik seorang Ketua Penylaras Sukan Dari, Pengadil Bertauliah, atau dan pegawai yang perlu untuk menguruskan pertandingan.

2. TARIKH PERLAWANAN

- 2.1 Tarikh Perlawanan akan dilangsungkan pada 25 hingga **28** September 2014.

3. TEMPAT PERLAWANAN

- 3.1 Lokasi perlawanan Dart akan diadakan di **Bilik Mesyuarat Kompleks Sukan Hijau Kuning.**



4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 7 orang pemain termasuk seorang Pengurus Pasukan / Pemain.
- 4.2 Jawatan seorang Pengurus Pasukan hendaklah disebut di dalam borang.
- 4.3 Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:-
 - 4.3.1. Nama penuh pemain, acara dan seorang pegawai serta jawatan.
 - 4.3.2. Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
 - 4.3.3. Salinan passcard pekerja.
- 4.4 Borang ini hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar Negeri/Presiden Kelab TM Negeri atau Naib Presiden Kelab TM Negeri masing-masing

5. ACARA-ACARA YANG AKAN DIPERTANDINGKAN

- 5.1 Pertandingan Dart akan dijalankan dalam kategori berpasukan sahaja dengan acara-acara seperti berikut:
 - 5.1.1. Foursome (1 Exec, 1 Veteran + 2 lelaki Terbuka)
 - 5.1.2. Beregu Campuran Eksekutif
 - 5.1.3. Beregu Lelaki Veteran
 - 5.1.4. Beregu Lelaki Terbuka
 - 5.1.5. Beregu Campuran Terbuka
- 5.2 Seorang pemain hanya dibenarkan menyertai 2 kategori sahaja.

6. PENGADIL

- 6.1 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Dart akan menyediakan pengadil bertauliah bagi menjalankan pertandingan ini.



- 6.2 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Dart untuk menamakan Teknikal Deligate bagi pertandingan ini.
- 6.3 Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil & pegawai pertandingan adalah muktamad mengikut Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia (PDM) dan PERSEKUTUAN DART ANTARABANGSA atau the Professional Darts Corporation (PDC).

7. FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1 Format tiap-tiap perlawanan akan dimulakan dengan acara-acara seperti berikut:-

- | | | | |
|--------|---------|---|--|
| 7.1.1 | Pertama | - | 4 some (1 exec, 1 veteran, 2 open) - 1001 x 1 set |
| 7.1.2. | Kedua | - | Beregu Campuran Eksutive (1 eks. lelaki + 1 eks. wanita) 501 x 3 set |
| 7.1.3 | Ketiga | - | Beregu Lelaki Veteran - 501 x 3 set |
| 7.1.4 | Keempat | - | Beregu Lelaki Terbuka - 501 x 3 set |
| 7.1.5 | Kelima | - | Beregu Campuran Terbuka - 501 x 3 set |

10. SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1 Di mana penyertaan terdiri daripada tiga belas (13) atau lebih, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam empat (4) kumpulan ; iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D. Dalam pusingan liga, tempat pertama dan kedua kumpulan akan ditentukan secara berikut:-

10.1.1. Jumlah mata menang (2) dua, mata kalah (0) mata.

10.1.2. Keputusan perlawanan liga (pasukan yang memenangi banyak perlawanan akan diambil kira)



- 10.2. Didalam pusingan liga (2) dua pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke perlawanan suku akhir secara kalah mati seperti berikut:-

A1	mln	B2
B1	mln	A2
C1	mln	D2
D1	mln	C2

- 10.3. Pemenang dalam perlawanan suku akhir akan bermain dalam peringkat separuh akhir secara kalah mati seperti berikut:-

'A1' / 'B2'	mln	'C1' / 'D2'
'B1' / 'A2'	mln	'D1' / 'C2'

- 10.4. Pemenang akhir acara kalah mati akan diadakan seperti berikut:

W	mln	X
---	-----	---

- 10.5. Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan kiraan mata diperolehi sama oleh lebih daripada satu pasukan, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut:-

10.5.1. Jika dua (2) pasukan yang terlibat, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira menang.

10.5.2. Jika lebih daripada dua (2) pasukan yang terlibat, maka pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan dari jumlah perlawanan (matches), set dan angka-angka mata yang telah diperolehi oleh pasukan-pasukan berkenaan.

10.5.3. Jika (a) dan (b) didapati sama, maka pasukan-pasukan berkenaan akan diputuskan secara undian.



11. MENARIK DIRI

- 11.1. Pasukan atau pemain yang terlewat 15 minit dari masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.
- 11.2. Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain akan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.

12. BANTAHAN

- 12.1. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis SEBELUM PERMAINAN ATAU TIDAK LEWAT DARI 30 MINIT SELEPAS PENGADIL MENGUMUMKAN KEPUTUSAN. Bantahan ini hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 berserta sekali wang tunai sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja). Wang ini cuma akan dikembalikan jika bantahan tersebut berjaya setelah ditolak 50% bayaran pengurusan.

13. JAWATANKUASA BANTAHAN DAN RAYUAN

- 13.1. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 perlu menyerahkan borang dan wang tunai berkenaan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Pengelola Kejohanan ini. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan sebagaimana berikut:
 - 13.1.1. Timbalan Presiden Kelab Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan
 - 13.1.2. Naib Presiden Biro Sukan Kelab TM Malaysia
 - 13.1.3. Pengerusi Bersama KARNIVAL SUKAN TM
 - 13.1.4. Ketua Pengadil Pertandingan yang dilantik
 - 13.1.5. Ketua Sekretariat Penganjur
 - 13.1.6. Seorang AJK Pertandingan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.



- 13.2. Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan memulakan persidangan pada waktu yang sama sebaik sahaja Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 menyerahkan borang bantahan dan wang tunai.
- 13.3. Keputusan Rayuan akan dibuat atau dimaklumkan dalam masa dua puluh empat jam (24 jam) selepas Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan bersidang.
- 13.4. Keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengadil atau dan Jawatankuasa Pertandingan atau dan Bersama-sama Pengelola Kejohanan adalah mutamad.

14. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

- 14.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Dart dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia (PDM) dan PERSEKUTUAN DART ANTARABANGSA atau the Professional Darts Corporation (PDC).

15. HADIAH

- 15.1. Hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:

EMAS	PERAK	GANGSA
1	1	1

- 3.1. Hadiah kemenangan yang diiktiraf bagi acara sukan ini akan disediakan oleh pengelola untuk 7 orang termasuk pengurus pasukan.



**BORANG BANTAHAN
ACARA SUKAN DART
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25HB HINGGA 28HB SEPTEMBER 2014**

NEGERI :

Nama Pengurus :

Tandatangan :

Tarikh :

Bantahan Yang Dibuat Dengan Menyertakan Wang Bantahan Sebanyak RM1,000.00 Di atas Perkara / Isu :-

.....

.....

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Untuk kegunaan pihak sekretariat

Dengan ini pihak sekretariat mengesahkan menerima bantahan dari pasukan seperti nama yang tertera di atas.

Diterima oleh: _____ No Kd Pengenalan _____

Tarikh Penerimaan: _____ tandatangan penerima : _____